

Newspaper	Utusan Melayu
Date	07/08/2017C

# Taktik lagakan Najib-Zahid

UM- 7/8/2017 pg. 9

**KUALA LUMPUR 6 Ogos** - Tun Dr. Mahathir Mohamad terus dibidas kepemimpinan UMNO berikutan cubaan Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP itu melaga-lagakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta Timbalannya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Mereka juga percaya bahawa dakwaan Dr. Mahathir kononnya Ahmad Zahid merancang untuk menjatuhkan Najib merupakan satu lagi bentuk pembohongan yang direka-reka.

Di **PADANG RENGAS**, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menyifatkan dakwaan Dr. Mahathir itu sebagai tidak masuk akal.

Katanya, sukar untuk dipercayai Ahmad Zahid berbuat demikian hanya selepas 10 hari dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sebaliknya, beliau percaya apa yang berlaku adalah Dr. Mahathir yang merancang untuk menjatuhkan Najib sewaktu mengadakan pertemuan dengan Ahmad Zahid.

"Sebagai menteri yang pernah berkhidmat di bawah Kabinet Dr. Mahathir selama lima tahun, saya sudah masak dengan perangai beliau yang mempunyai dua sikap berbeza.

"Dr. Mahathir ini sikapnya

sama ada hanya beliau yang akan bercakap menyebabkan orang lain hanya akan mendengar atau beliau tidak mahu bercakap langsung, mendiamkan diri.

"Dalam pertemuan dengan Ahmad Zahid, saya percaya hanya Mahathir yang bercakap, meluahkan perasaan, beliau yang merancang (untuk menjatuhkan Najib), manakala Ahmad Zahid hanya mendengar," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Padang Rengas di sini hari ini.

Di **KUANTAN**, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Rosnah Abdul Rashid Sirlin berkata, perwatakan Dr. Mahathir sebagai ahli politik yang rakus terserlah apabila beliau secara peribadi melaga-lagakan Najib dan Zahid.

Katanya, tindakan Dr. Mahathir menyerang orang nombor satu dan dua parti itu hanya bermatlamat merapuhkan sokongan ahli terutama di peringkat akar umbi terhadap UMNO.

"Saya selaku ahli dan orang muda melihat tindakan beliau (Dr. Mahathir) ini merupakan satu ancaman kepada bukan sahaja kepada kepemimpinan UMNO sendiri tetapi juga terhadap perpaduan Melayu.

"Beliau mungkin tidak menyedari tindakan menyerang keperibadian pemimpin-pe-

mimpin utama UMNO hanya memperlihatkan wajah sebenarnya sebagai negarawan yang tidak bertanggungjawab," katanya selepas ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Indera Mahkota di Dewan Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, hari ini.

Di **JASIN**, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Idris Haron berkata, kepemimpinan dan ahli UMNO perlu memperkukuhkan hubungan serta taat setia dalam memastikan parti itu kekal relevan selain tidak diperkotak-katikkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, ketika ini terdapat gerakan yang menunggu dan berharap perpecahan parti berlaku di negeri ini bagi membolehkan mereka mengambil kesempatan.

Menurutnya, hakikatnya keadaan itu sama sekali tidak akan berlaku, malah sokongan dalam kalangan ahli UMNO semakin utuh dan gerakan-gerakan tersebut hanya boleh terus menaruh harapan.

"Oleh itu, cara terbaik kita untuk menghalang gerakan terabit adalah dengan merapatkan barisan, cari persefahaman dan mengecilkan perbezaan sesama sendiri," katanya.

